

# Pas calonkan Subky cabar Dr. Mahathir<sup>33</sup> di Kubang Pasu

Oleh JOHARDY IBRAHIM  
20 NOV 1999

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Ahli Jawatankuasa Pas, Datuk Harun Din sebelum ini berteriak mahu menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu, tetapi parti itu sebaliknya akan menampilkan Subky Latif yang tidak pernah menang dalam sebarang pilihan raya.

Tiada alasan yang diberikan oleh Pas berhubung pencalonan yang tidak menepati jangkaan itu.

Sebaliknya, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor juga tidak akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Raya yang disandangnya selama empat penggal sejak 1982.

Senarai calon yang diumumkan Pas hari ini meletakkan Fadzil di kawasan baru iaitu DUN Anak Bukit.

Beliau juga akan 'berhijrah' dari Parlimen Kuala Kedah yang ditandinginya sebelum ini ke Parlimen Pendang.

Parlimen Kuala Kedah sebaliknya diserahkan pula kepada 'ayam sabung' Pas, Mohamad Sabu, yang tidak disenaraikan sebagai calon di Kelantan.

Mengenai pemilihan Subky, Naib Presiden Pas, Mustaffa Ali berkata: "Beliau adalah 'gergasi' yang boleh menggegar."

Subky yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat dan Pesuruhjaya Pas Wilayah Persekutuan tewas kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Ainon Khariah, di kerusi Parlimen Parit, Perak pada pilihan raya 1995.

Langkah Pas itu dilihat oleh penganalisis politik sebagai langkah ke belakang kerana meletakkan calon *featherweight* untuk bertarung dengan calon *heavyweight*.

Ia disebabkan antara mereka yang disebut-sebut menentang Dr. Mahathir di

■ Lihat muka 9

## Pas calonkan Subky cabar Dr. Mahathir di Kubang Pasu

Kubang Pasu ialah Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor; Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr. Wan Azizah Ismail dan bekas pensyarah, Datuk Dr. Harun Din.

Di Perlis, seperti yang disebut-sebut, Harun Din akan menentang Menteri Besar, Datuk Shahidan Kassim di kawasan DUN Tambun Tulang.

Walaupun pakatan pembangkang belum menamakan kawasan yang akan ditandingi oleh calon mereka yang diumumkan semalam, Harun Din telah mengumumkan awal-awal lagi bahawa beliau adalah 'calon sementara' Tambun Tulang.

Di Kedah, pertembungan satu lawan satu pakatan pembangkang atau lebih tepat Pas dengan Barisan Nasional (BN), bakal menyaksikan 80 peratus muka baru untuk Parlimen dan 60 peratus untuk Dewan Undangan Negeri.

Menepati ramalan penganalisis politik, penulis buku kontroversi *SHIT*, Sasterawan Negara Prof. Emeritius Datuk Shahnnon Ahmad akan bertanding merebut kerusi Parlimen Sik, menentang Datuk Seri Dr. Abdul Hamid Othman.

Shahnnon walaupun dikenali sebagai ahli Pas seumur hidup tidak dianggap 'bertaring' kerana beliau hanya diiktiraf dalam bidang penulisan dan pendidikan.

Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, pula akan menentang Datuk Wan Hanafiah Mohd. Saman di kerusi Parlimen Pokok Sena.

Bagaimanapun, di Terengganu, Kelantan dan Pahang, para pemimpin utama Pas kekal bertanding di kawasan tradisi mereka.